

19/05/1997

Umno prihatin sungutan ahli: Hussein

KOTA BHARU, Ahad - Usul supaya rombakan semula Badan Perhubungan Umno Kelantan diadakan boleh dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) jika ia didapati perlu dan munasabah.

Ahli MT, Tan Sri Hussein Ahmad berkata, pihak berkenaan tidak boleh memandang ringan perkara itu.

"Jika ada sungutan daripada bawah, pucuk pimpinan parti wajar memberi perhatian. Ini sejajar dengan sikap Umno sedia mendengar pandangan dan sungutan ahli di peringkat bawah sebagai satu daripada cara kekuatan parti.

"Umno sentiasa menjaga tata susilanya dan lahir sebagai parti unggul bukan saja dalam negara bahkan di seluruh dunia kerana mengamalkan sikap terbuka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran projek rimba rekreasi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di Terusan Selatan Kok Lanas, dekat sini, hari ini.

Hussein diminta mengulas mengenai usul yang diluluskan Umno cawangan Rantau Panjang dalam mesyuaratnya Khamis lalu, meminta Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merombak semula Badan Perhubungan Umno Kelantan, demi masa depan Umno negeri itu.

Cawangan itu mendakwa pentadbiran sekarang lebih berperanan mengkucar-kacirkan perpaduan dalam Umno Kelantan dan bercadang mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi Badan Perhubungan itu bagi membolehkan beliau mengetahui lebih jelas apa sebenarnya berlaku dalam bahagian Rantau Panjang.

Bagaimanapun, Hussein berkata, soal rombakan semula badan perhubungan itu hanya memadai dibincang setakat peringkat Umno bahagian atau negeri.

"Kecuali, jika kes ini serius barangkali perlu diangkat kepada MT," katanya.

Beliau berkata, Umno terus kukuh kerana sikapnya sentiasa mengambil perhatian terhadap sikap dan pandangan ahlinya daripada semua peringkat.

"Kita (Umno) berbentuk piramid iaitu bukan besar di atas dan kecil di bawah, tetapi kita besar di bawah dan kecil di atas," katanya.

(END)